

24/11/1997

MB ilhamkan Menara Terengganu

Noor Jaafar

MENARA Terengganu adalah projek yang diilhamkan sendiri Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan pembangunan projek itu akan dilaksanakan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

Menara setinggi 30 tingkat berharga kira-kira RM130 juta dibina di Bukit Pak Apil, Jalan Cerung Lanjut, Kuala Terengganu dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2000.

Projek Menara Terengganu adalah satu bukti usaha sama kerajaan negeri dan sokongan MRCB terhadap pembangunan teknologi maklumat (IT) di negeri ini.

Ia juga membuktikan kesungguhan kerajaan menjadikan negeri ini sebuah negeri termaju di negara ini dalam bidang berkenaan.

Menara itu juga akan menjadi mercu tanda multimedia yang strategik, selain berfungsi sebagai simbol pembangunan IT.

Pelaksanaan projek itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu setiap negeri mempunyai agenda multimedia masing-masing.

Apabila siap nanti, menara yang direka bentuk arkitek terkemuka, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, akan menjadi pusat kegiatan utama multimedia dan membolehkan rakyat negeri ini terbabit secara langsung dalam IT.

Tidak mustahil pada alaf baru nanti, industri tradisional seperti perikanan, batik dan ukiran akan dilengkapi kaedah multimedia dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Menara dengan reka bentuk istimewa itu memenuhi ciri sebagai bangunan pintar yang sesuai dengan keperluan semasa, di samping mengekalkan ciri tradisional serta budaya tempatan agar menjadi satu identiti tersendiri.

Menara itu juga akan dilengkapi kemudahan dan peralatan canggih, termasuk sistem pengesan yang boleh mengawal penggunaan pendingin hawa, lif dan peralatan elektrik dengan cermat serta menjimatkan penggunaan elektrik.

Antara ciri menarik bangunan itu ialah mempunyai 11 kubah di puncak menara itu lima melambangkan rukun Islam dan enam bagi melambangkan rukun Iman.

Pengerusi Eksekutif MRCB, Datuk A Khalid Ahmad, berkata projek pertama MRCB di negeri ini akan dilaksanakan secepat mungkin bagi mempercepatkan proses pembangunan IT negeri.

Selain projek itu, katanya, MRCB merancang melaksanakan beberapa lagi projek lain di negeri ini, termasuk perhotelan serta pembangunan sosial ekonomi.

MRCB menyumbangkan kepakarannya yang sedia ada untuk dinikmati rakyat Terengganu.

Menerusi kepakaran beberapa anak syarikat dalam pelbagai bidang industri, termasuk pembangunan hartanah menerusi anak syarikatnya, Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd, Seri Iskandar Development Corporation dan Kajang Utama Sdn Bhd. Penjana kuasa pula menerusi Malakoff Bhd dan PD Power Sdn Bhd, kejuruteraan dan pembinaan (Zelleco M Sdn Bhd), media elektronik dan cetak (Kumpulan The New Straits Times Press Sdn Bhd dan TV3), MRCB boleh menjayakan projek itu.

Tambahan pula kebelakangan ini, MRCB juga terbabit dalam perkhidmatan kewangan menerusi Rashid Hussain Bhd (RHB).

Beliau juga memperkenalkan pakar sains Melayu dalam bidang multimedia kepada Wan Mokhtar sebagai satu penjana agenda multimedia di negeri ini.

Perjanjian pembangunan projek itu ditandatangani di antara kerajaan negeri, Yayasan Islam Terengganu (YIT) dan MRCB, bulan lalu.

Wan Mokhtar dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Baharuddin Ismail, hadir sama di majlis menandatangani perjanjian itu.

Wan Mokhtar berkata, projek itu juga selaras dengan agenda IT Kebangsaan (NITA) dan termasuk dalam melaksanakan beberapa program meningkatkan kesedaran terhadap potensi dan manfaat IT di kalangan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan negeri memberi penekanan terhadap IT bagi menjayakan matlamat ke arah pembentukan masyarakat madani atau masyarakat bertamadun.

"Dalam Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu (1996-2010), pembangunan IT turut diberi tumpuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dan produktiviti," katanya.

Sehubungan itu, kerajaan negeri juga bersetuju menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTIT) sebagai badan tertinggi peringkat negeri yang bertanggungjawab menggubal dasar dan menyelaraskan strategi pelaksanaan IT di negeri ini.

Kerajaan negeri juga membelanjakan RM1.7 juta menubuhkan pusat hypermedia di setiap daerah dalam meningkat kesedaran dan menggalak pelajar menggunakan IT.

Kerajaan negeri juga sedang memperlengkapkan sistem kabel gentian optik di Wisma Darul Iman dan Wisma Negeri. Kedua-dua bangunan pejabat kerajaan negeri itu disambungkan talian data ke semua pejabat kerajaan negeri dan pejabat daerah dalam satu rangkaian jauh yang dikenali sebagai Terengganu Net.

Kerajaan negeri juga memperuntukkan RM2.5 juta bagi melaksanakan Terengganu Net di seluruh negeri tahun depan.

Katanya, pembinaan Menara Terengganu oleh MRCB adalah sebagai kompleks telekomunikasi dan multimedia pertama di negeri ini yang dilengkapi pelbagai infrastruktur.

MRCB diberi kepercayaan melaksanakan projek itu kerana menunjukkan komited dalam membantu memesatkan pembangunan negeri ini dan menubuhkan pejabat cawangannya di negeri ini.

(END)